

Headline	Populasi Harimau Malaya tunjuk perkembangan positif		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	06 Feb 2025	Color	Black/white
Section	News	Circulation	31,034
Page No	13	Readership	93,102
Language	Malay	ArticleSize	158 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 589
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,767



## Populasi Harimau Malaya tunjuk perkembangan positif

**KUALA LUMPUR:** Jumlah populasi Harimau Malaya (*Panthera Tigris Jacksoni*) di negara ini menunjukkan perkembangan yang positif, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.

Namun, beliau berkata jumlah sebenar haiwan berkenaan hanya akan diketahui selepas menerima angka rasmi daripada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

“Bancian terakhir (yang dilakukan terhadap Harimau Malaya) menunjukkan kurang daripada 150 ekor. Kita akan menunggu bancian rasmi untuk mendapat angka yang tepat, tetapi berdasarkan angka awal di lapangan yang diterima, terdapat perkembangan positif.

“Ia adalah hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dibantu oleh pertambahan Ranger Komuniti. Namun populasi Harimau Malaya masih kekal berisiko dan memer-



**LAWATAN:** Nik Nazmi melawat reruai pameran selepas Majlis Peluncuran Kepengerusian ASEAN peringkat Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

lukan perlindungan berterusan,” katanya kepada pemberita selepas Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), di sini, semalam.

Pada 12 November lepas, Nik Nazmi berkata NRES terus komited untuk melindungi dan memulihara Harimau Malaya bagi memastikan spesies ikonik yang menjadi simbol Jata Negara tidak pupus. — Bernama